

03 JUL 1999

Mahathir - Sekolah

KERAJAAN PUSAT CARI JALAN AMBIL ALIH SEKOLAH AGAMA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Kerajaan pusat akan mencari jalan untuk mengambil alih sekolah agama rakyat di Kelantan untuk kepentingan pelajarannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat sekolah agama rakyat di seluruh negara perlu dinaikkan taraf kerana kemudahan di sekolah-sekolah itu kurang dan guru-gurunya juga tidak begitu terlatih.

"Ini tidak baik untuk perkembangan anak-anak yang mahukan ilmu pengetahuan di bidang agama," katanya ketika diminta mengulas keengganan kerajaan PAS di Kelantan membenarkan sekolah-sekolah agama rakyat di negeri itu diambil alih oleh Kementerian Pendidikan.

"Tapi PAS tak peduli semua ini, mereka mahu guna sekolah agama untuk ajar anak-anak bencikan kerajaan, bencikan Perdana Menteri," kata Dr Mahathir selepas melakukan lawatan peribadi ke Taman Rama-Rama, di Taman Tasik Perdana di sini.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab kepada rakyat, bukannya PAS.

Kementerian Pendidikan bercadang mengambil alih semua sekolah agama rakyat di seluruh negara termasuk di Kelantan dengan tujuan memperbaiki kemudahan dan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah itu.

Bagaimanapun Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata di Kota Bharu Khamis lepas, kerajaan PAS tidak akan melepaskan sekolah-sekolah itu kepada Kerajaan Pusat kerana Kementerian tidak berpengalaman mengelola sekolah-sekolah agama dan khuatir mutu pendidikan sekolah itu akan merosot.

Nik Aziz yang juga Mursyid Am PAS berkata, Kementerian hanya boleh mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat di negeri itu jika mereka mempunyai pengalaman lebih tinggi daripada kerajaan PAS Kelantan.

Dr Mahathir, ditanya tentang dakwaan pemimpin PAS itu yang Kerajaan Pusat tiada pengalaman untuk mengendalikan sekolah agama, berkata "Dia kata Tuhan mencarut, itu pengalaman kah?"

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus menjelaskan di Kota Bharu semalam, Kementerian tidak memaksa kerajaan Kelantan menyerahkan sekolah-sekolah agama rakyat di negeri itu.

Khalid berkata, Kementerian tidak berniat untuk berpolitik dalam bidang pendidikan dan berharap kerajaan PAS sanggup berkorban demi pembangunan dan peningkatan taraf sekolah-sekolah itu.

Taman Rama-Rama yang dilawati oleh Dr Mahathir hari ini dibuka pada tahun 1993 dan diambil alih oleh KL Butterfly Garden pada tahun 1997.

Ketua Eksekutif KL Butterfly Garden C.T Fong memberitahu pemberita beliau bercadang menukar nama dan menaikkan taraf taman ini kepada KL Butterfly Garden setanding dengan Royal Butterfly Garden, di United Kingdom, malah akan merupakan yang terbesar di dunia.

Fong berkata, taman berkenaan akan dilengkapi sebuah restoran yang menyajikan makanan tempatan khasnya bagi pelancong asing.

Menurut beliau, sebanyak RM3 juta diperuntukkan bagi projek itu mengikut konsep rekreasi keluarga dan pusat setempat untuk pelancong asing mengenali Malaysia.

Projek menaikkan taraf taman itu yang kini dilawati kira-kira 200 pengunjung sehari, dijangka siap sepenuhnya pada 2001.

-- BERNAMA

RA PR

